

# Susu ibu punya nilai eksklusif

*Sistem imunisasi lebih baik, kebarangkalian dapat penyakit rendah*

**BATU PAHAT** – Penyusuan susu ibu sememangnya eksklusif buat bayi baru lahir sehingga enam bulan yang pertama, seterusnya digalakkan amalan penyusuan sehingga bayi berumur dua tahun.

Susu ibu terbukti lebih baik berbanding susu formula dan golongan ibu tidak mempunyai alasan untuk tidak menyusukan anak mereka kerana sistem imunisasi dari susu ibu yang terbentuk adalah lebih baik.

Pakar Kanak-Kanak dan Pakar Laktasi Pantai Hospital Batu Pahat, Dr Hairin Anisa Tajuddin berkata, golongan ibu harus sedar bahawa bayi yang baru dilahirkan perlu mendapatkan susu ibunya.

Katanya, kebarangkalian bayi yang diberikan susu ibu untuk mendapat penyakit adalah kurang berbanding jika diberikan susu yang lain.

“Oleh itu, pihak Pantai



**Antara mereka yang terlibat dalam program Sambutan Penyusuan Ibu Sedunia 2012.**

Hospital mengadakan satu program untuk menggalakkan golongan ibu ini menyusukan anak mereka dengan menjalinkan pelbagai ceramah dan juga nasihat.

“Program yang masuk tahun kedua diadakan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada golongan ibu dan masyarakat bahawa penyusu-

an ibu ini sangat penting dan eksklusif.

“Mengapa eksklusif? Ini kerana ianya sangat sesuai kepada bayi yang dilahirkan dalam membantu pembesaran bayi dengan lebih baik,” katanya semasa perasmian program Kesedaran Penyusuan Susu Ibu Pantai Hospital 2012 dan Sambutan Penyusuan Ibu

Sedunia 2012, baru-baru ini. Turut hadir dalam program berkenaan ialah Ketua Pegawai Operasi Pantai Hospital, Shafee Awang; Pengarah Pusat Kesihatan, Dr Saidatun Nisak Derwis dan Jemputan Khas Datin Dr Maryati Mohamed.

Program anjuran Pantai Hospital Batu Pahat yang dia-

dakan di Dewan Serba Guna UTHM itu mendapat kerjasama Kelab Mummy Love Batu Pahat dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Sementara itu, Norhaslinda Abd Rahim, 28, berkata, program seperti itu perlu kerap dilakukan kerana ianya dapat menyedarkan masyara-

kat terutamanya kepada golongan ibu.

“Tiada alasan untuk tidak menyusukan anak kerana banyak kelebihan jika seseorang ibu itu dapat menyusukan sendiri anaknya kerana anak berkenaan satu anugerah buatnya,” katanya.

Manakala, Nurliyana Roslan, 27, berkata, susu ibu sememangnya dapat mengurangkan risiko kematian kepada anak amat bersesuaian kepada bayi yang dilahirkan.

Katanya, program ini diharapkan dapat diteruskan lagi kerana banyak ilmu boleh diperoleh, selain menambah pengetahuan berkaitan dengan kebaikan susu ibu berbanding susu formula.

“Diharapkan selepas ini, program seperti ini dapat diadakan lagi kerana ia satu perkara yang sangat berguna kepada golongan ibu terutamanya,” katanya.